

08/05/1999

Cepat laksana prosedur birokrasi: PM

Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan ketua setiausaha dan pegawai kewangan semua kementerian memastikan prosedur birokrasi dilaksanakan dengan pantas supaya peruntukan belanjawan tahun ini dibelanjakan dalam jangka waktu ditetapkan.

Perdana Menteri yang melahirkan keprihatinan terhadap kelewatan pelaksanaan projek dan perbelanjaan peruntukan, berkata walaupun perkhidmatan awam negara ini lebih cekap berbanding negara membangun lain, banyak ruang yang masih boleh diperbaiki.

"Kerjasama semua diperlukan untuk memastikan projek pembangunan disempurnakan mengikut masa.

"Insentif untuk mencapai sasaran ini bukannya berapa banyak anda dibayar, tetapi hasil yang dicapai pada akhirnya. Saya yakin dengan hasil yang memuaskan, ganjaran kewangan akan menyusul," katanya pada mesyuarat dengan ketua setiausaha dan pegawai kewangan pelbagai kementerian di sini, hari ini.

Kenyataan Dr Mahathir itu diedarkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kepada media, petang ini. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Menurut Perdana Menteri, 80 peratus daripada belanjawan digunakan untuk mentadbir 20 peratus daripada pembangunan dan ketidakcekapan seumpama itu harus diperbaiki.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu bukan bertujuan mencari kesalahan kementerian berkaitan tetapi bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam melaksanakan projek serta mengatasinya bagi kebaikan rakyat dan negara.

Katanya, cara kerja MTEN yang mengadakan perjumpaan setiap hari bagi membincangkan kerja dan memastikan ia harus dicontohi semua kementerian.

Beliau menegaskan tidak ada maknanya kerajaan memiliki wang tetapi tidak dibelanjakan kerana kekayaan hanya boleh diwujudkan apabila peruntukan dipergunakan sewajarnya.

Beliau berkata, walaupun, kerajaan mahu pelaksanaan projek dipercepatkan, perlu dipastikan prosedur betul diikuti dan semua pembangunan dimantau dengan teliti untuk menentukan akauntabiliti.

Pada masa sama, Dr Mahathir meminta kementerian memastikan kontraktor yang dilantik melaksanakan projek dibayar tepat pada masanya supaya tidak menjejaskan keuntungan mereka dan membolehkan mereka mempercepatkan pembayaran kepada sub-kontraktor, pembekal dan pekerja.

"Kadang-kadang berbulan-bulan selepas projek disiapkan, wang tidak dibayar kepada kontraktor menyebabkan kos meningkat dan akhirnya, kerajaan terpaksa menanggung akibatnya," katanya.

Kerajaan memperuntukkan RM17.361 bilion bagi tujuan pembangunan tahun ini, tetapi berdasarkan pengalaman lalu, Dr Mahathir berkata, hanya di antara tujuh dan lapan peratus dibelanjakan dalam tempoh tiga bulan pertama setiap tahun.

Perdana Menteri berkata, banyak perkara perlu dilaksanakan dalam tempoh lapan bulan akan datang bagi memastikan 90 peratus lagi peruntukan yang ada dibelanjakan.

Sepatutnya, tegas beliau, sebahagian besar peruntukan dibelanjakan dalam tempoh separuh pertama setiap tahun bagi memastikan projek dilaksanakan

mengikut masa dan semua peruntukan dipergunakan secara cekap.

Isnin lalu, Daim mendedahkan dalam tempoh suku pertama tahun ini hanya 5.3 peratus daripada perbelanjaan pembangunan digunakan berbanding 11.1 peratus bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Dalam laporan yang dibentangkan pada mesyuarat hari ini, Perbendaharaan menggariskan beberapa kelemahan utama pelaksanaan yang menyumbang kepada kelewatan perbelanjaan peruntukan.

Menurut Perbendaharaan, proses penjelasan dan kelulusan mengambil masa yang panjang dan wujud keperluan untuk mengkaji semula prosedur dan peraturan tertentu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kelewatan boleh timbul daripada pelaksanaan prosedur yang perlahan dan bukan kerana peraturan itu sendiri.

"Prosedur tidak sepatutnya dilaksanakan mengikut tempoh sesuka hati. Ada orang yang tidak memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi. Jika prosedur tidak betul, ia boleh dikaji semula," katanya.

Perdana Menteri juga meminta kakitangan awam tidak menjadi pemerhati jam untuk pulang tepat pada waktu, sebaliknya mengambil inisiatif bekerja lebih masa untuk menghabiskan tugas.

(END)